

1. PETRONAS terajui 25 PAC dalam perubahan struktur perniagaan huluan



SIDEK (kanan), melawat gerai pameran selepas di majlis perasmian Pameran Kejuruteraan Minyak, Gas dan Petrokimia Asia Ke-15 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. - Foto Salhani Ibrahim

KUALA LUMPUR: PETRONAS kini menerajui usaha industri melibatkan 25 kontraktor pengaturan petroleum (PAC) untuk menerima pakai perubahan struktur dalam persekitaran perniagaan huluan minyak dan gas (O&G) di Malaysia.

Pengerusinya, Tan Sri Sidek Hassan, berkata inisiatif itu, iaitu Perikatan Pengurangan Kos (Coral 2.0), bertujuan menyemai minda mementingkan kos dalam kalangan penggiat industri.

"Ia bukan hanya eksesais pengurangan kos. Lebih daripada itu, ia adalah untuk memastikan kecerdasan dan kemampuan perniagaan kita," katanya di majlis perasmian Pameran Kejuruteraan Minyak, Gas dan Petrokimia Asia Ke-15, di sini hari ini.

Sidek berkata, walaupun penggiat industri tidak boleh meramal kepastian harga minyak pada masa depan, mereka boleh bersedia mengharungi sebarang turun naik dengan terus berinovasi.

Katanya, harga minyak yang lemah menawarkan peluang kepada penggiat industri untuk bekerjasama rapat secara kreatif mengurangkan struktur kos dan terus berinovasi bagi menjadikannya lebih cekap, selamat dan hijau secara sistematik.

"PETRONAS telah mengumumkan pemotongan 15 peratus perbelanjaan modal dan 25 peratus perbelanjaan operasi. Tetapi apa yang boleh kita capai secara individu, lebih banyak lagi boleh kita capai secara perikatan," katanya.

Mengenai pembangunan O&G global, beliau berkata output industri itu tumbuh pada kadar yang cepat dipacu oleh revolusi syal yang telah mengubah pasaran minyak dan gas Amerika Syarikat.

Beliau berkata, AS kini mengeluarkan kira-kira 9.0 juta tong sehari, pertumbuhan 80 peratus daripada 5.0 juta tong dihasilkan pada 2008.

Permintaan minyak global dijangka bertambah 1.1 juta tong sehari tahun ini.

Sementara itu, pameran tiga hari itu menarik lebih 2,000 pempamer daripada lebih 50 negara, mempamerkan teknologi, kelengkapan dan jentera terkini dalam industri minyak, gas dan petrokimia.

Pameran itu dijangka menarik lebih 23,000 pengunjung.



Selasa, 2 Jun 2015

2. MoF akan temui Fitch berhubung kemapanan ekonomi Malaysia

KUALA LUMPUR: Kementerian Kewangan dijangka berjumpa dengan wakil Fitch Agency bagi menjelaskan kepada mereka bahawa ekonomi Malaysia masih mapan dan harus dilihat secara positif.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah, agensi itu yang pada masa ini menarafkan Malaysia A-, membayangkan kemungkinan penurunan taraf dalam rating kredit negara.

"Kami harap dengan inisiatif pengukuhan fiskal dan penekanan terhadap pertumbuhan selain pelancaran Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang memperuntukkan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM260 bilion akan memberi petunjuk positif kepada agensi penarafan itu," katanya.

Beliau berkata pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun lalu adalah baik dan bagi suku pertama tahun ini mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus manakala perdagangan luar juga berkembang.

Sekalipun ada keimbangan berhubung imbalan pembayaran semasa, ia masih positif, katanya selepas merasmikan anugerah permulaan perniagaan 'Rice Bowl' anjuran Yayasan Usahawan Baru (NEF) sempena Sidang Kemuncak Usahawan 1ASEAN (1AES).

Pengerusi NEF, Ashran Ghazi, berkata pencalonan dalam talian dibuka bermula hari ini hingga pertengahan Ogos dengan sasaran 200 hingga 300 pencalonan dari semua 10 negara anggota ASEAN bagi anugerah 10 kategori itu.

Sebanyak 30 finalis teratas akan diumum pada 1 Oktober manakala pemenang diumum pada November semasa 1AES.

Ashran berkata, finalis akan menerima bimbingan permulaan perniagaan bernilai AS\$15,000 merangkumi pembabitan media serantau dan sesi padanan pelabur manakala pemenang setiap kategori akan menerima trofi 'Rice Bowl'.



Rabu, 3 Jun 2015

3. 1MDB guna hutang untuk pacu pertumbuhan - Husni

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata 1Malaysia Development Bhd (1MDB) mencatat pertumbuhan pesat dalam enam tahun penubuhannya walaupun menggunakan hutang untuk merencanakan pertumbuhannya.

Ahmad Husni berkata, 1MDB walaupun mempunyai hutang RM41.8 bilion, syarikat pembangunan strategik milik kerajaan itu mempunyai aset RM52 bilion.

"RM42 bilion (jumlah hutang) perlu lihat bukan dalam konteks hutang semata-mata tetapi juga aset, kos kewangan dan dana pemegang saham," katanya dalam Dialog Khas 1MDB: Di Mana Wangnya? yang disiarkan saluran RTM1, malam tadi.

Katanya, daripada sebuah syarikat dengan modal berbayar RM1 juta, 1MDB kini mempunyai 560 ekar tanah. Akan tetapi disebabkan tanah berkenaan lambat memberi pulangan, syarikat itu perlu bergantung kepada hutang untuk program pembangunannya.

Husni berkata, jumlah hutang RM42 bilion yang terkumpul hingga kini, digunakan untuk membeli aset tenaga dan tanah, perbelanjaan kewangan serta deposit dalam dana pelaburan.

Katanya, daripada jumlah hutang berkenaan, sebanyak RM18 bilion digunakan untuk aset janakuasa seperti Powertek Energy Sdn Bhd (RM8.5 bilion), Loji Tenaga Kuala Langat (RM2.3 bilion), Jimah Energy (RM1.2 bilion).

Tambahnya, 1MDB membelanjakan RM0.2 bilion untuk membeli tanah The Razak Exchange (TRX), RM0.4 bilion untuk Bandar Malaysia dan RM1.1 bilion untuk tanah di Air Hitam, Pulau Pinang.

Dalam aspek perbelanjaan kewangan berjumlah RM5.8 bilion, RM4.5 bilion digunakan untuk kos pembiayaan dan modal kerja, RM0.9 bilion untuk kos tukaran asing dan cukai berjumlah RM0.4 bilion.

"1MDB juga mendepositkan RM15.4 bilion untuk dana pelaburan seperti Brazen Sky (RM6.1 bilion) Aabar deposit (RM4.2 bilion) dan 1MDB GIL Fund (RM5.1 bilion)," katanya.

Mengulas mengenai dakwaan 1MDB membuat bayaran kepada Good Star Limited milik ahli perniagaan, Jho Low dalam urusan kerjasama dengan Petrosaudi, Husni berkata tidak ada pengesahan mengenai transaksi kepada Good Star.

Justeru, beliau berkata, kenyataan beberapa pihak termasuk oleh wakil rakyat DAP, Tony Phua adalah bercanggah dengan pernyataan kewangan, malah Petrosaudi membuat laporan polis di London menyatakan laporan portal tertentu mengenai pembayaran kepada individu itu adalah tidak betul.

"1MDB labur dalam Petrosaudi atas sebab rakan niaga strategik. Hasilnya, Prasarana dilantik kendali operasi Arafah - Mina Metro System," katanya.

Sementara itu, Husni berkata, IPO Edra Energy pula tertangguh kerana pernyataan kewangan lambat disiapkan, jadi 1MDB perlu melaksanakan langkah rasionalisasi untuk membayar hutang berkenaan.

Jumaat lalu, Menteri Kewangan Kedua, Husni membentangkan Pelan Pemulihan 1MDB kepada Kabinet.

Dalam pada itu, Husni turut menafikan laporan media sosial yang mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dilaporkan membuli Menteri Kabinet berhubung isu 1MDB.

Katanya, perlu ada kesepakatan Kabinet berhubung isu itu untuk menghadapi kritikan dan menyamakan keadaan itu seperti peribahasa Afrika mengenai kisah seekor singa dan tujuh manusia.

"Singa tidak dapat menang jika tujuh individu itu bersatu," katanya.



Rabu, 3 Jun 2015

4. 1MDB perjelas bagaimana hutang RM42b

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini mendedahkan butiran terperinci bagaimana hutang hampir RM42 bilion diraih firma pembangunan strategik milik kerajaan itu.

Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan, Arul Kanda, berkata dalam tempoh beberapa minggu kebelakangan ini banyak spekulasi tersebar mengenai hutang RM42 bilion, dan lebih khusus lagi mengenai RM27 bilion hutang yang dikatakan 'hilang' atau 'rugi'.



Dalam kenyataan hari ini, 1MDB berkata, RM18 bilion digunakan untuk membeli aset tenaga; RM1.7 bilion untuk membeli tanah di TRX, Bandar Malaysia dan di Pulau Pinang; RM5.8 bilion untuk perbelanjaan kewangan, RM15.4 bilion merangkumi dana pelaburan dan lebihan tunai sebanyak RM0.9 bilion.



Rabu, 3 Jun 2015

5. BNM mula siasatan formal ke atas 1MDB

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) memulakan siasatan formal ke atas 1Malaysia Development Bhd (1MDB) bagi meneliti sama ada berlaku pelanggaran peraturan dan perundungan Bank Pusat.

"Ini membabitkan arahan perundungan bagi mendapatkan maklumat daripada entiti," kata BNM dalam satu kenyataan hari ini.

BNM juga akan mengambil kenyataan daripada individu yang terbabit dalam proses tadbir urus dan mendapatkan maklumat daripada pihak domestik dan luar negara yang berkaitan.

Selain itu, BNM berkata ia sudah mengemukakan maklumat yang diterima daripada pihak berkuasa luar negara kepada agensi penyiasatan berkenaan selepas mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa asing.

"Bank Pusat ingin menekankan bahawa pendedahan lanjut butir-butir penyiasatan boleh menjaskan hasil siasatan.

"Bank Pusat melakukan segala-galanya dalam bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah perundangannya, termasuk bekerjasama dengan agensi-agensi lain, untuk menyumbang ke arah penyelesaian segera perkara itu," katanya.



Isnin, 8 Jun 2015

6. Kadar perahan minyak naik 25 peratus menjelang 2020 - Uggah

KUALA LUMPUR: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menjangka purata kadar perahan minyak (OER) negara di kilang minyak sawit akan meningkat kepada 25 peratus menjelang 2020 berbanding 20 peratus sekarang ini.

Menterinya, Datuk Amar Douglas Uggah Embas berkata, beberapa langkah sudah diambil untuk mengukuhkan penguatkuasaan bagi memastikan tandan buah segar masak berkualiti dihantar ke kilang minyak sawit. "Ini akan membantu meningkatkan OER di kilang," katanya di Persidangan Peladang Antarabangsa Ke-8 di sini, hari ini.

Uggah berkata, pertumbuhan dalam OER dan FFB akan diterjemah kepada peningkatan hasil minyak negara kepada enam tan metrik sehektar dalam lima tahun daripada empat tan metrik sekarang ini.

Berdasarkan kawasan ditanam sebanyak 5.23 juta hektar, ini bermakna negara ini mampu menghasilkan tambahan 10 juta tan metrik minyak sawit setahun bernilai lebih RM20 bilion tanpa memerlukan perluasan tanah. "Oleh itu untuk meningkatkan pengeluaran minyak sawit, usaha mesti ditumpukan kepada peningkatan hasil dan produktiviti," kata Uggah.

Menurutnya, antara inisiatif meningkatkan produktiviti ialah penanaman semula pokok tua dan tidak produktif dengan bahan berhasil tinggi.

Ini akan membolehkan industri itu meningkatkan purata FFB negara atau hasil kepada 26 tan metrik sehektar menjelang 2020 daripada 20 tan metrik sehektar setahun, katanya.

Uggah berkata, tenaga kerja dalam industri kelapa sawit untuk sektor huluan masih bergantung kepada buruh asing.

Bagi mengatasi cabaran ini, katanya, industri perlu berusaha untuk mekanisasi lebih tinggi dengan menerima pakai inovasi dan teknologi baharu dalam keseluruhan rantaian bekalan.

"Di samping itu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia akan menganjurkan Pertandingan Antarabangsa Mengenai Mekanisasi Minyak Sawit tahun ini untuk menangani kebimbangan dalam operasi minyak sawit," katanya.

Antara kebimbangan itu ialah berkaitan penuaian, kutipan buah relai, pemindahan FFB dan penjagaan tanaman, katanya.



Ismi, 8 Jun 2015

7. Eksport, import China merosot pada Mei 2015

BEIJING: Eksport China susut 2.5 peratus kepada AS\$190.8 bilion pada Mei berbanding tahun sebelumnya manakala importnya turut merosot 17.6 peratus kepada AS\$131.3 bilion berbanding tempoh sama tahun lalu, kata Pihak Pentadbir Kastam (GAC) negara itu.

Angka itu menunjukkan China mencatatkan lebihan dagangan sebanyak AS\$59.49 bilion pada Mei berbanding AS\$34.13 bilion, pada April lalu.

Bagi tempoh lima bulan pertama tahun ini, eksport China naik 0.7 peratus manakala import susut sebanyak 17.3 peratus berbanding tempoh sama, tahun lepas dengan lebihan dagangannya berjumlah AS\$217.26 bilion, kata pihak kastam dalam satu kenyataan, hari ini.

Untuk tempoh sama, perdagangan antara China dan Amerika Syarikat serta negara-negara anggota Dagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun merosot 7.2 peratus dan 11.3 peratus bagi tahun ke tahun.

Dari Januari ke Mei, perdagangan antara China dan Malaysia merosot 0.1 peratus bagi tahun ke tahun kepada AS\$39.5 bilion, namun negara itu mengekalkan kedudukannya sebagai rakan dagang utama di ASEAN.

Kerajaan China telah menurunkan sasaran pertumbuhan ekonominya kepada sekitar tujuh peratus tahun ini, iaitu yang terendah sejak 2004.

8. Laporan interim 1MDB dijangka siap hujung Jun ini



DATUK Nur Jazlan Mohamed (kanan) bersama Ahli Parliment Kepong, Tan Seng Giaw (tengah) dan Ahli Parliment Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican menunjukkan buku laporan audit siri 2 di Mesyuarat Taklimat kepada PAC di Parliment hari ini. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KUALA LUMPUR: Laporan interim berhubung 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dijangka siap pada hujung bulan ini.

Difahamkan laporan itu akan dibentangkan Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) pada Julai ini.

Pengerusi PAC, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata pihaknya dimaklumkan bahawa laporan mengenai penemuan awal itu kini sedang dibuat dan dijangka siap pada hujung bulan ini.

"Ketua Audit Negara memaklumkan beliau sudah bersedia untuk membentangkan laporan interim 1MDB seperti diarahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Jadi, kita akan cari tarikh sesuai untuk mendengar pembentangan itu," katanya pada sidang media di Parliment, sebentar tadi.

Semalam, Perdana Menteri memberi jaminan isu 1MDB dapat diselesaikan sebelum akhir tahun ini.



Ismi, 15 Jun 2015

9. Audit : Agrobank perlu penambahbaikan perlaksanaan strategi

KUALA LUMPUR: Bank Pertanian Malaysia Bhd (Agrobank) memerlukan penambahbaikan dalam melaksanakan strategi yang dirancang berikutan pencapaian sebenarnya yang di bawah sasaran.

Walaupun Agrobank telah menjalankan perkhidmatan selaras dengan mandat yang diberikan, namun beberapa aspek pengurusan kewangan dan pengurusan aktiviti Bank tersebut perlu ditambah baik, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2 yang dibentangkan di Parlimen, hari ini.

Antara penemuan audit ialah sasaran pertumbuhan pembiayaan pada kadar 17.5 peratus dan 10.9 peratus bagi tahun 2013 dan 2014 tidak dicapai, dengan pertumbuhan sebenar masing-masing pada kadar 0.5 peratus dan 7.7 peratus.

Selanjutnya, terdapat beberapa hala tuju yang dirancang masih belum dilaksana dan dicapai bagi membolehkan strategi yang dirangka berjaya.

Ini mengakibatkan prestasi permohonan pembiayaan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 menunjukkan trend penurunan iaitu sejumlah RM299.44 juta dan seterusnya berkurangan lagi sejumlah RM450.45 juta.

Agrobank dalam jawapannya terhadap pencapaian di bawah sasaran itu menyatakan bahawa ia disebabkan oleh garis panduan pembiayaan peribadi yang diperketatkan, hapus kira dalaman serta persaingan dengan institusi kewangan lain yang menawarkan pembiayaan yang lebih rendah.

Audit pula antara lain mengesyorkan agar pemasaran produk baru dan penjenamaan semula hendaklah giat dijalankan agar prestasi pembiayaan dapat ditingkatkan.

Selain itu, proses penilaian yang teliti terhadap permohonan pinjaman perlu ditambah baik supaya risiko pinjaman terjejas dapat dikurangkan, kata laporan itu.

10. Audit: Penyenggaraan IPG tidak dilaksana sepenuhnya kerana kekangan peruntukan

KUALA LUMPUR: Pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti Institut Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya berikutan kekangan peruntukan, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 2.

Menurut laporan itu, 27 IPG seluruh negara hanya menerima peruntukan RM68.84 juta antara tahun 2012 hingga 2014 di bawah peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan bangunan berbanding RM577.85 juta yang dimohon untuk tujuan itu.

"Semakan selanjutnya mendapati tiga IPG (daripada 27 IPG) yang telah memohon peruntukan penyelenggaraan bangunan dan pembaikan bangunan berjumlah RM48.94 juta bagi tempoh itu dan hanya RM8.19 juta telah diluluskan.

"Antara peruntukan yang dimohon adalah kerja penyelenggaraan bumbung, atap, siling, tandas, pendawaian elektrik, sistem kumbahan, tangki air, kuarters dan telefon yang sebahagiannya telah dimohon berulang kali dan masih belum diluluskan," menurut laporan itu yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, maklum balas Kementerian Pendidikan berkenaan perkara itu yang diterima Jabatan Audit Negara pada 30 Mac lalu menyatakan peruntukan fizikal di bawah pembaikan bangunan sudah tidak diterima sejak tahun 2012 walaupun permohonan dibuat dalam Anggaran Belanjawan Mengurus setiap tahun.

Maklum balas itu menyatakan, Institut Pendidikan Guru Malaysia hanya menerima peruntukan di bawah peruntukan penyelenggaraan bangunan, pembaikan dan penyenggaraan hanya dapat dilaksanakan selepas peruntukan itu diagihkan pada awal tahun.

"Agihan peruntukan kepada 27 IPG berdasarkan laporan kerosakan yang dikemukakan mengikut keutamaan dan tahap kritikal sesuatu kerosakan yang berlaku," katanya.

Selain kekangan peruntukan untuk penyenggaraan dan pembaikan bangunan, laporan itu turut menyatakan beberapa lagi kelemahan yang dikesan berkaitan pengurusan penyelenggaraan bangunan dan fasiliti IPG.

Antaranya termasuk jumlah aduan kerosakan tidak dapat dipastikan ketepatannya kerana terdapat borang aduan yang tidak diberi nombor sirinya dan daftar aduan tidak diselenggara.

Pengauditan yang dijalankan pada Oktober hingga Disember tahun lalu turut mendapati terdapat banyak kerosakan di IPG seperti siling atau atap pecah dan rosak, kebocoran atau resapan air, keretakan atau rekahan bangunan dan cerun bukit runtuh belum dibaiki.


Bagi mengatasi masalah yang dibangkitkan dan untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan penyenggaraan bangunan dan fasiliti, Jabatan Audit Negara mencadangkan beberapa syor untuk kementerian itu mengambil tindakan.

Antaranya termasuk mengadakan daftar aduan kerosakan bagi memantau bilangan dan status aduan, membuat pemeriksaan dan penilaian terhadap kerosakan yang berlaku dan membuat kerja pembaikan sewajarnya serta melaksanakan penyenggaraan pencegahan berjadual seperti dirancang.



Selasa, 16 Jun 2015

11. Audit: Perkhidmatan pengurusan loji air Sabah berjalan baik



PENERUSI Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Datuk Nur Jazlan Mohamed (kanan) bersama Naib Pengerusi PAC, Dr Tan Seng Giaw (tengah) dan Anggota Jawatankuasa PAC, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican menunjukkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 ketika mempengerusikan mesyuarat Laporan Ketua Audit Negara tersebut di Bangunan Parlimen semalam. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KOTA KINABALU: Audit yang dijalankan ke atas loji rawatan air di Sabah antara bulan September hingga Disember 2014 mendapati Perkhidmatan Pengurusan Loji Rawatan Air (LRA) secara khidmat luar adalah baik.

Bagaimanapun, menurut Laporan Audit Negara 2014 Siri 2, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya termasuk peralatan yang rosak dan tidak dibaiki.

"Pelupusan peralatan, bahan kimia dan enapcemar juga tidak dibuat, serta pegawai kimia tidak mencukupi untuk memantau LRA yang dikendalikan kontraktor," kata laporan berkenaan.

Sehubungan itu, bagi memastikan perkhidmatan pengurusan LRA dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamat yang ditetapkan, laporan mengesyorkan supaya Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) mengambil beberapa langkah penambahbaikan.

Antaranya, JANS perlu membuat pemeriksaan aset dan menyediakan bajet untuk membuat penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan LRA beroperasi dengan lancar.

JANS memulakan perkhidmatan LRA secara khidmat luar pada 2009 di Loji Rawatan Air Segaliud, Sandakan.



Selasa, 16 Jun 2015

12. 1,018 pemaju projek terbengkalai dikenakan tindakan



TIMBALAN Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 1,018 pemaju perumahan dikenakan tindakan pendakwaan dan kompaun hingga Mei tahun ini, kata Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Halimah berkata, daripada jumlah berkenaan sebanyak 146 pemaju disenarai hitam akibat projek terbengkalai.

Katanya, tindakan berkenaan juga membabitkan pemaju yang gagal membayar kompaun iaitu sebanyak 337 pemaju, ingkar arahan hukuman tribunal tuntutan pengguna perumahan rakyat (307), projek sakit (131), disabitkan mahkamah dengan denda melebihi RM10,000 (17) dan pemaju tanpa lesen (80).

"Jumlah ini membabitkan 3,607 orang ahli lembaga pengarah yang melanggar peraturan 118 Akta Pemaju Perumahan," katanya menjawab soalan Datuk Kamarul Baharin Abbas (PKR-Telok Kemang) di Dewan Rakyat.

Kamarul Baharin, ingin tahu berhubung langkah-langkah yang diambil kerajaan bagi memastikan baki projek perumahan swasta yang terbengkalai yang diambil alih oleh kerajaan dapat disiapkan dalam masa ditetapkan dan jumlah pemaju yang disenarai hitam.

Halimah berkata, sejak 2009 hingga tahun lalu, sebanyak 216 projek perumahan swasta diisyiharkan terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia.

"Daripada jumlah itu 165 atau 76.4 peratus projek yang diambil alih oleh kerajaan telah disiapkan kementerian, manakala 51 lagi projek sedang dalam pelbagai peringkat dan perancangan pemulihan," katanya.

Halimah juga berkata, kementerian akan terus mempergiatkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pemaju dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang didapati mengingkari peraturan yang ditetapkan hingga menyebabkan projek perumahan terjejas.

Katanya, kementerian mengambil beberapa inisiatif bagi memastikan projek terbengkalai dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan antaranya mengenal pasti pemaju berkeupayaan dan berpengalaman untuk melaksanakan pemulihan projek.

Selain itu, kementerian juga mengadakan perundingan dari semasa ke semasa dengan semua pihak berkepentingan bagi mencari penyelesaian terbaik, memantau dan membuat penyelarasaran di tapak projek dengan bantuan agensi negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), katanya

13. Penjawat awam bocor rahsia ancam keselamatan negara

BUKAN sekali penjawat awam terbabit dalam pembocoran rahsia dan dokumen sulit kerajaan. Sebelum ini, dokumen tidak sah berhubung lawatan Timbalan Perdana Menteri (TPM), Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) dipercayai dibocorkan pihak tertentu sehingga Ahli Parlimen DAP mempersoalkan lawatan beliau ke Dubai.

Pembangkang mendakwa ia tidak mendarangkan manfaat kepada rakyat berikutan tugas rasmi Muhyiddin hanya beberapa jam berbanding masa untuk bermain golf. Namun, Pejabat TPM kemudian menjelaskan, ia bukan jadual sebenar lawatan kerja beliau ke Dubai, sebaliknya draf awal yang belum dimuktamadkan.

Minggu lalu, maklumat berhubung kenaikan kadar tol dibocorkan dan ia tersebar di media sosial susulan laporan sebuah portal yang memetik sumber Kabinet. Maklumat sensasi dan rahsia begitu mudah disebarluaskan melalui media sosial seperti Facebook dan WhatsApp. Ia mudah dipercayai oleh rakyat sehingga kadang kala memalukan dan menyebabkan kerajaan serba salah. Walhal, perbincangan mengenai perkara itu belum dimuktamadkan.

Siasat motif

Bagaimanakah maklumat rahsia itu boleh dibocorkan? Apakah motif dan agenda pihak berkenaan membocorkannya? Tahukah mereka implikasi terhadap kerajaan dan negara? Tentu ada dalang dalam kalangan penjawat awam di sebalik pembocoran maklumat berkenaan. Mereka ini adalah musuh dalam selimut yang boleh mendedahkan kerajaan kepada pelbagai kemungkinan.

Amaran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak agar penjawat awam mentaati ikrar perkhidmatan awam dan tidak membocorkan rahsia kerajaan perlu diambil serius oleh semua penjawat awam. Penjawat awam bertanggungjawab menjaga rahsia kerajaan mengikut Surat Pekeliling Am dan Arahan Keselamatan Kerajaan. Mengapa kandungan pekeliling dan arahan berkenaan tidak dijelaskan dan ditegaskan semula dalam kalangan penjawat awam oleh ketua mereka, sama ada dalam mesyuarat atau taklimat khas? Mereka sepatutnya sedar kepentingan menjaga kerahsiaan dan betapa seriusnya implikasi tindakan mereka terhadap kementerian, kerajaan dan negara jika ia jatuh ke tangan musuh politik dan musuh negara. Tidak ada mana-mana kerajaan, termasuk di Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan, mahu rahsia mereka didedahkan.

Golongan ini mengkhianati amanah yang diberi oleh kerajaan untuk melindungi dan menyimpan sebarang maklumat dan rahsia penting. Penjawat awam tidak seharusnya mengambil kesempatan dengan memberi maklumat kepada pihak tertentu demi keuntungan peribadi atau dengan niat untuk merosakkan imej dan reputasi kerajaan.

Kesan buruk

Bayangkan kesannya jika ada penjawat awam yang memberi maklumat rahsia dan sensitif mengenai tender dan sebagainya kepada syarikat yang bersaing mendapatkan projek tertentu. Tentu ini tidak adil kepada syarikat yang tidak mendapat maklumat itu.

Tindakan itu adalah pengkhianatan terhadap jabatan dan negara. Justeru, tindakan disiplin, termasuk turunkan pangkat atau pecat, jika perbuatan itu boleh mengancam keselamatan negara atau menguntungkan pihak musuh, perlu diambil.

Kerajaan tidak harus berkompromi dengan mereka ini, sebaliknya tindakan paling tegas perlu dikenakan bagi memastikan perbuatan itu tidak berleluasa.

Ketua Jabatan dan Pegawai Keselamatan Jabatan perlu mengkaji semula cara penyimpanan dokumen dan rahsia kerajaan. Mereka juga perlu memberi tanggungjawab menyimpan maklumat rahsia kepada penjawat awam yang mempunyai integriti tinggi. Penjawat awam perlu sentiasa menjunjung tinggi amanah yang diberi kepada mereka.

Peringatan, teguran atau amaran terhadap penjawat awam yang melanggar peraturan dan disiplin perlu diambil, sama ada kerana kecuaian, ketidakpatuhan, dan kelalaian penjawat awam sehingga kebocoran rahsia rasmi kerajaan di agensi masing-masing berlaku. Sebenarnya, penjawat awam boleh dikenakan tindakan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1993 atau Akta Rahsia Rasmi 1972. Di bawah Seksyen 8 (1), akta terbabit, menjadi kesalahan bagi mereka yang tidak diberi kuasa memiliki atau mengawal mana-mana rahsia rasmi, menyimpannya, menggunakan, menyampaikannya atau gagal menjaga rahsia tersebut, dengan munasabah.

Dalang perlu dikenal pasti dan diheret ke muka pengadilan jabatan atau kementerian. Perbuatan mereka itu hanya memudahkan musuh menyerang kerajaan. Justeru, mereka perlu segera menghentikan perbuatan keji dan tidak bertanggungjawab itu.



Rabu, 24 Jun 2015

14. Tindakan terhadap pembalakan haram di Hulu Besut - MB

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Terengganu tidak akan berkompromi terhadap mana-mana individu yang terlibat dalam aktiviti pembalakan haram di kawasan Hutan Simpan Gunung Tebu di Hulu Besut.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman, berkata pihaknya telah meminta Jabatan Perhutanan Negeri dan Pejabat Tanah Negeri supaya mengambil tindakan segera bagi menyelesaikan isu di kawasan hutan seluas 20 hektar itu.

"Memang kita tak akan berkompromi dalam hal ini, dan kita dah minta tindakan segera diambil oleh (Jabatan) Perhutanan dan Pejabat Tanah melalui pasukan bertindak...kita minta dilaporkan segera kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk dibuat siasatan."

Kita tak akan pertahankan mana-mana pihak dalam kes ini dan isu ini dah jadi isu negara...kita sangat memandang serius dalam kes ini," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Razif berkata kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM3.7 juta sebagai pembayaran bonus kepada kira-kira 8,000 penjawat awam di negeri ini.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Exco kerajaan negeri hari ini untuk membayar bonus sebanyak RM500 kepada penjawat awam di Terengganu.

"Imbuhan ini akan dibayar mulai esok (25 Jun) selaras dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang memberikan bonus dengan kadar yang sama kepada semua penjawat awam persekutuan.

"Bonus ini adalah untuk menghargai sumbangan serta dedikasi penjawat awam dalam memudahkan dan menjayakan pelaksanaan program pembangunan negeri," katanya.

15. Proses jual semula tanah TH di TRX diteruskan - Jamil Khir

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom. - Foto Zaman Huri Isa

KUALA LUMPUR: Proses penjualan semula tanah milik Lembaga Tabung Haji (TH) di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) masih diteruskan dan belum dimuktamadkan sama ada ia akan dibatalkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata keputusan TH sebelum ini untuk menjual semula tanah itu adalah kerana tidak mahu menimbulkan lebih banyak fitnah dan tohmahan terhadap TH, walaupun pembelian aset itu jelas berlandaskan perniagaan dan patuh syariah.

"Proses pembelian tanah ini dibuat dengan rapi, walaupun tawaran daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) bermula pada Mei 2013, tapi ia hanya dibeli pada 2015.

Ada sesetengah orang tak faham, kalau nilai tanah di TRX diukur oleh badan bebas antarabangsa, harganya mahal dan TH sebenarnya diberi tawaran lebih baik dan pada waktu itu (pada 2013) tanah itu belum dibangunkan.

"Namun setelah pandangan atau persepsi negatif lebih mengatasi daripada perniagaan, untuk tidak mahu timbulkan fitnah, TH ambil keputusan untuk menjual kembali tanah itu," katanya menjawab soalan tambahan Senator Datuk Muhammad Olian Abdullah pada persidangan Dewan Negara hari ini.

Muhammad Olian ingin tahu adakah keputusan menjual semula tanah seluas 0.63 hektar dalam kawasan TRX itu sudah muktamad.

Jamil Khir juga memberitahu bahawa berlaku perhimpunan dan demonstrasi di hadapan bangunan TH selain pihaknya turut menerima memorandum daripada badan bukan kerajaan (NGO), yang memperlihatkan kemarahan orang ramai disebabkan persepsi tidak tepat ke atas pembelian tanah itu.

Beliau berkata, rakyat khususnya yang beragama Islam seharusnya berbangga kerana umat Islam boleh memiliki satu kawasan pembangunan dalam segi tiga emas yang akan menjadi ikon pada masa akan datang.

"Kini 1MDB dah bangunkan tanah itu termasuk akan ada kereta api laju dari Singapura, lebuh raya, ...akan ada bangunan ikon seperti KLCC, malah ia lebih hebat dan perkara ini sedang giat dibangunkan infrastrukturnya, bukan hanya atas kertas.

"Sebenarnya kita juga ingin melihat pada satu ketika bahawa TRX terbangun bukan hanya dalam bentuk keindahan, tapi boleh bermegah dengan bangunan dimiliki TH di TRX," katanya.

Sementara itu, Jamil Khir berkata TH sentiasa menitik beratkan kepentingan pendepositnya dan menegaskan bahawa setiap pelaburan yang dirancang dan dilaksanakan adalah selamat dan berdaya maju serta memberikan manfaat dan keuntungan kepada pendeposit tanpa menjelaskan simpanan mereka.

Katanya, pendeposit hendaklah terus yakin dengan keupayaan TH sebagai sebuah institusi ikonik Islam yang terulung di negara ini.

Tabung Haji sebelum ini dikecam hebat kerana membeli tanah itu dengan harga RM188.5 juta daripada syarikat pelaburan kerajaan 1MDB.

Ekoran itu, pada 9 Mei lalu, TH memutuskan untuk menjual tanahnya di TRX atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai menghormati sensitiviti dan kepercayaan pendeposit.

Bagaimanapun pada persidangan Dewan Rakyat yang lalu, beberapa wakil rakyat yang menyentuh isu pembelian tanah itu, termasuk bukan Islam, berpendapat TH wajar menimbang semula cadangan untuk menjual tanah berkenaan kerana disifatkan sebagai pelaburan yang menguntungkan.

16. CUEPACS bantah cadangan beku ambil kakitangan baharu

KUALA LUMPUR: Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan menghantar memorandum bantahan terhadap cadangan pembekuan pengambilan kakitangan dan pewujudan jawatan baharu dalam sektor awam dalam masa terdekat.

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata tindakan itu perlu kerana cadangan kerajaan itu dikhawatiri akan memberi kesan besar terhadap graduan universiti yang baharu menamatkan pelajaran selain menambah masalah kekurangan kakitangan yang berkhidmat dalam sesuatu sektor.

"Penjawat awam di negara ini tidak seperti negara-negara lain yang mengkelaskan perkhidmatan wajib iaitu pendidikan, tentera, polis dan kesihatan di luar sektor awam.

Di negara ini, kita campur semua sekali, sebab itu dilihat ramai. Tetapi (hakikatnya) kalau kita pergi sesuatu tempat (sektor perkhidmatan awam), ada yang mengadu, sana tak cukup kakitangan, sini tak cukup kakitangan," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Majlis Kongres CUEPACS di sini, hari ini.

Azih berkata, jumlah penjawat awam di negara ini hanya kira-kira 500,000 sahaja.

Kerajaan sebelum ini telah mengeluarkan arahan pembekuan pengambilan kakitangan dan pewujudan jawatan baharu bagi semua kementerian, jabatan dan agensi berkuat kuasa 22 April lepas.

Bagaimanapun, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam, sebelum ini dilaporkan berkata jawatan kritikal dalam kerajaan masih terbuka kepada pengambilan baharu.

Azih turut mengulangi gesaan supaya kerajaan mempercepat penambahaikan terhadap 252 skim perkhidmatan awam seperti yang diluluskan dalam Bajet 2015.

Beliau berharap kerajaan segera mempertimbangkan skim itu bagi memastikan ia tidak melewati Bajet 2016 yang dijangka dibentangkan pada Oktober tahun ini.

"Kalau dimasukkan pembentangan bajet akan datang, bermakna ia untuk tahun 2016, sedangkan kami mahukan pelaksanaan penambahaikan kepada 252 skim ini dikuatkuasakan mulai Januari 2015.

"Kami bimbang kerana ramai penjawat awam yang mungkin bersara tanpa merasai perubahan dalam skim perkhidmatan mereka," katanya.

Beliau berkata, antara kandungan 252 skim itu ialah berkaitan kemajuan kerjaya dan pembangunan dalam skim perkhidmatan yang antara lain menetapkan bahawa tidak ada lagi gaji di bawah paras kemiskinan.



Isnin, 29 Jun 2015

17. Bank Malaysia patuh nisbah modal, mudah tunai Basel III

KUALA LUMPUR: Bank-bank Malaysia adalah antara bank di rantau ASEAN yang mematuhi syarat-syarat modal dan mudah tunai ketat di bawah Basel III, demikian menurut laporan Moody's Investors Service.

Moody's dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata laporan itu juga menyenaraikan bank-bank di rantau ASEAN yang berada Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand, Vietnam dan Filipina sebagai mempunyai permodalan yang baik dan memenuhi syarat-syarat modal minimum tinggi di bawah Basel III.

Naib Presiden dan Penganalisis Kanan Moody's, Alka Anbarasu, berkata kebanyakannya bank-bank sudah mematuhi 100 peratus dengan 60 peratus nisbah liputan mudah tunai minimum di bawah Basel III.

Bagaimanapun, beliau berkata, perbezaan negara menjadikannya sukar untuk membandingkan nisbah dilaporkan itu dalam sistem perbankan berbeza.

"Mengenai isu peraturan perbankan tambahan, kami menyedari pengawal selia di rantau ini kelihatan teragak-agak untuk menerima garis panduan 'bail-in' dan modal menyerap kerugian (TLAC), kerana mereka menunggu penjelasan lebih lanjut daripada Lembaga Kestabilan Kewangan (FSB)," katanya.

Anbarasu juga menjangkakan terbitan sekuriti terpilih Basel III oleh bank-bank di seluruh ASEAN, terutama untuk menggantikan legasi sekuriti lama yang akan dipanggil dalam tempoh 2015-2017.

Laporan itu yang bertajuk, "ASEAN Banks Well Placed for Basel III Capital and Liquidity Ratio Compliance," menyatakan nisbah liputan mudah tunai (LCR) sudahpun dilaksanakan di Singapura dan Malaysia.



Selasa, 30 Jun 2015

18. 1MDB terima cadangan untuk tanahnya di Air Itam, Pulau Indah

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) mengumumkan sudah menerima pernyataan minat yang signifikan daripada pelabur terhadap tanah miliknya di Air Itam, Pulau Pinang dan Pulau Indah, Selangor.

Sehubungan itu, Presiden merangkap Pengarah Eksekutif Kumpulan, Arul Kanda, berkata syarikat bercadang melantik seorang perunding harta tanah bebas untuk membantu dalam mengkaji cadangan berkenaan.

"Pengumuman lanjut mengenai perkembangan seterusnya akan dibuat dalam tempoh dua minggu akan datang," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sebagai sebahagian daripada kajian strategik syarikat, 1MDB mengumumkan pada 18 Februari lalu hasrat untuk menjana wang daripada tanah milik syarikat di Air Itam dan Pulau Indah melalui usaha sama atau jualan keseluruhan.

Perkara itu disahkan dalam pelan rasionalisasi yang dibentangkan kepada Kabinet pada 29 Mei lalu.

Tanah 1MDB seluas 94 hektar di Air Itam, dibeli pada pertimbangan RM1.38 bilion.

Nilai aset 1MDB hingga kini berjumlah RM51.4 bilion, lebih tinggi daripada nilai hutang keseluruhan sebanyak RM41.9 bilion.